

ISU KELAHIRAN DAN KEWARGANEGARAAN: KAJIAN KES DI PULAU PINANG

Mohammad Razin Abdullah ⁶
Nur Zulfa Ibrahim ⁷

ABSTRACT

Case studies on issues pertaining to birth and citizenship have been conducted in Penang. Considering birth and citizenship are two inseparable issues which could subsequently affect national security, it is the responsibility of the National Registration Department of Malaysia to vouch that all information given during any birth registration is accurate and genuine. There are certainly rules and regulations that need to be fulfilled and adhered to before a child could be granted with a Malaysian citizenship. Inadequate information and lack of evidence would result in one's citizenship application to be in jeopardy. Hence, the onus is on every parents to ensure that their children's birth is registered and documented accordingly.

Keywords: *birth, citizenship, National Registration Department.*

PENDAHULUAN

Kelahiran cahaya mata merupakan sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh pasangan yang berkahwin. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk mendaftarkan kelahiran bayi tersebut mengikut undang-undang yang ditetapkan. Secara umumnya, setiap kelahiran bayi harus didaftarkan di tempat di mana kelahiran tersebut berlaku.

Ia sebagai rekod kependudukan kepada sesebuah negara dan sebagai pengenalan diri rakyat negara tersebut. Sijil kelahiran adalah dokumen penting untuk setiap kanak-kanak bagi tujuan pendidikan, kesihatan kebajikan dan sosial di negara ini.

⁶ Dato' Mohammad Razin Abdullah is currently the Director General of the National Registration Department (NRD) since October 2017. He started his career as Assistant Director in 1982 at the Public Service Department (PSD). His tenure at the Ministry of Home Affairs began in March 1990. He has served as Director General of the Registrar of Societies (ROS) in 2013 until 2017.

⁷ Nur Zulfa Ibrahim is currently the Director of the National Registration Department in Penang. She started her career in the Ministry of Housing and Local Governance in December 2004. Subsequently she served the Housing Division, Penang (2006); District Land Office, Penang (2009); Human Resources Department (2010); and National Registration Department, Penang (2017 till to date).

Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) selaras dengan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sarawak 1951 (Cap.10) bagi Negeri Sarawak, dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah 1951 (Cap. 123) bagi Negeri Sabah.

AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 1957 (AKTA 299)

Bahagian II –Pendaftaran kelahiran

Seksyen 7. Butir-butir kelahiran hendaklah didaftarkan.

- I. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, **kelahiran tiaptiap kanak-kanak yang lahir di Malaysia hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar.....**

Peruntukan tersebut termasuk di Sabah dan Sarawak mengikut Ordinan masing-masing, secara jelas menyebut bahawa semua kelahiran kanak-kanak yang berlaku di Malaysia, termasuk kelahiran anak bertaraf warganegara atau bukan warganegara perlu didaftarkan dan dikeluarkan dokumen Sijil Kelahiran atau rekod kelahiran (bagi kelahiran kanak-kanak bertaraf bukan warganegara di Sabah).

Berdasarkan pindaan yang dibuat kepada Akta 299 yang dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2017, terdapat beberapa penambahbaikan yang telah dilaksanakan iaitu pelanjutan tempoh pendaftaran biasa dipanjangkan dari maksimum 14 hari kepada 60 hari bagi memudahkan orang ramai membuat pendaftaran kelahiran. Pendaftaran lambat iaitu selepas 14 hari sehingga 42 hari kelahiran turut dimansuhkan. Perluasan kuasa untuk mendaftar kelahiran juga dibuat di mana kelahiran boleh didaftarkan di mana-mana kawasan pendaftaran. Dengan adanya penambahbaikan demi penambahbaikan, tiada lagi alasan daripada orang ramai untuk tidak mendaftarkan kelahiran yang berlaku.

Walaupun pelbagai penambahbaikan telah dibuat, namun masih terdapat kelahiran yang tidak didaftar mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Statistik Permohonan Kelahiran Jabatan Pendaftaran Negara,
Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015 -2018**

TAHUN	JUMLAH PENDAFT- ARAN KELAHIRAN	KELAHIRAN BIASA/LAM- BAT	KELAHIRAN MATI	KELAHIRAN LEWAT DAFTAR
2015	22,807	22,246	77	484
2016	22,537	21,967	88	482
2017	22,396	21,885	98	413
2018	20,536	20,041	34	461
Jumlah	88,276	86,139	297	1,840

*Statistik ini melibatkan 7 pejabat iaitu George Town, Bayan Baru, Balik Pulau, Butterworth, Bertam, Jawi dan Bukit Mertajam

** Tambahan cawangan RTC Pulau Pinang bagi tahun 2017

Jadual 1 menunjukkan pendaftaran kelahiran mengikut kategori. Dari tahun 2015 sehingga 2018 secara umumnya terdapat penurunan dari segi pendaftaran kelahiran di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun bagi pendaftaran lewat kelahiran bagi tahun 2015 sehingga 2016 terdapat sedikit penurunan iaitu sebanyak 2 kes dan pada tahun 2017 kes pendaftaran lewat terus menurun sebanyak 69 kes. Bagi tahun 2018 kes daftar lewat meningkat sebanyak 48 kes.

Antara alasan-alasan yang sering diberikan apabila lewat mendaftar kelahiran dalam tempoh yang ditetapkan adalah tidak mengetahui prosedur pendaftaran dan tempoh masa yang ditetapkan, ibu bapa terlalu sibuk sehingga tiada masa untuk mendaftar, konflik keluarga, kelahiran di rumah, kelahiran tidak melalui perkahwinan yang sah dan ibu kandung bayi tidak ditemui oleh penjaga. Keadaan akan menjadi rumit apabila bayi tersebut membesar tanpa sijil kelahiran. Apabila kelahiran telah lama berlaku, saksi atau bukti kelahiran ada kalanya menjadi sangat sukar untuk diperolehi.

Walau bagaimanapun, kelahiran yang didaftarkan di JPN tidak akan diberikan kewarganegaraan Malaysia secara automatik kerana sijil kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN hanya sebagai bukti bahawa kelahiran telah berlaku di Malaysia.

Beberapa faktor perlu diambil kira dan diteliti di dalam menentukan seseorang kanak-kanak yang dilahirkan itu sama ada bertaraf warganegara ataupun sebaliknya. Faktor-faktor tersebut adalah berkaitan dengan tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu dan bapa. Penentuan dan perolehan kewarganegaraan Malaysia termaktub di dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan ada menyatakan:

Perkara 15A. Perlembagaan Persekutuan - Kuasa khas untuk mendaftarkan kanak-kanak.

Tertakluk kepada Perkara 18, Kerajaan Persekutuan boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, menyebabkan mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun didaftarkan sebagai warganegara.

Dari segi rekod, terdapat tiga kategori status kewarganegaraan yang direkodkan pada Sijil Kelahiran dan di dalam pangkalan data JPN iaitu Warganegara, Bukan Warganegara dan Belum Ditentukan.

Kategori Warganegara

Bagi kategori yang pertama iaitu warganegara, status kewarganegaraan pada Sijil Kelahiran adalah jelas. Bagi bayi yang ibu bapanya adalah warganegara Malaysia, atau salah seorang ibu atau bapa adalah warganegara dalam perkahwinan yang sah, maka bayi tersebut adalah warganegara. Bagi kes bayi yang lahir di luar perkahwinan yang sah dan ibu mendaftar sebagai ibu tunggal, bayi tersebut juga akan mendapat kewarganegaraan mengikut warganegara ibu. Selain itu, bagi pemegang kad pengenalan pemastautin tetap atau dikenali dengan kad pengenalan merah bagi orang awam, bayi yang lahir dari pasangan pemegang kad pengenalan jenis tersebut atau salah seorang pasangan pemegang kad dalam perkahwinan yang sah melayakkan bayi mendapat kewarganegaraan Malaysia.

Kategori Bukan Warganegara

Bagi kategori yang kedua, iaitu Bukan Warganegara. Status Bukan Warganegara ini diberikan kerana terdapat rekod dan maklumat ibu dan bapa yang menunjukkan mereka merupakan warga asing. Bagi penentuan penganugerahan taraf kewarganegaraan kepada individu pula, tertakluk kepada kelahiran itu sama ada didaftarkan terlebih dahulu mengikut peruntukan undang-undang kelahiran yang berkuat kuasa di negara tersebut atau sebaliknya. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kedua ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan konsulat negara asal kanak-kanak berkenaan melalui kedutaan negara masing-masing. Status bukan warganegara ini boleh bertukar menjadi warganegara dalam beberapa keadaan. Sebagai contoh, pasangan suami isteri yang mana si suami adalah warganegara Malaysia manakala isteri adalah bukan warganegara dan mereka berkahwin di luar negara, sama ada di negara isteri atau di negara lain, perkahwinan tersebut perlu mendapat pengesahan mengikut undang-undang Malaysia. Sekiranya semasa kelahiran anak, pengesahan perkahwinan belum diperolehi maka anak tersebut semasa pendaftaran adalah bukan warganegara kerana mengikut kewarganegaraan ibu. Walau bagaimanapun, jika perkahwinan tersebut mendapat pengesahan mengikut undang-undang Malaysia maka anak tersebut boleh mendapat kewarganegaraan Malaysia. Garis ukur yang paling utama adalah kelahiran anak perlulah berlaku selepas perkahwinan yang sah untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia.

Kategori Belum Ditentukan

Bagi individu yang memiliki Sijil Kelahiran yang berstatus Belum Ditentukan taraf kewarganegaraannya, seperti ibu bapa tidak diketahui, tiada dokumen pengenalan diri, tiada dokumen perjalanan, tiada taraf kewarganegaraan dan taraf perkahwinan ibu bapa tidak diperolehi atau tidak lengkap dan butir-butir kelahiran kanak-kanak tersebut sendiri tidak diperolehi.

Oleh kerana pembuktian untuk menentukan status kewarganegaraan adalah terletak ke atas pemohon tersebut, maka taraf 'belum ditentukan' pada Sijil Kelahiran ini bertujuan untuk memberi ruang, peluang, dan masa kepada individu-individu tersebut membuktikan sama ada mereka adalah warganegara atau bukan warganegara Malaysia berdasarkan kepada dokumen-dokumen serta bukti-bukti yang dikemukakan kepada JPN.

Secara umumnya daripada kedudukan tersebut, tidak ada kategori tiada kewarganegaraan (*stateless*) yang diguna pakai di dalam sistem pendaftaran negara. Istilah *stateless* bermaksud seseorang yang pada masa ini tidak bernegara dan tidak memiliki mana-mana kewarganegaraan di dunia ini. Berdasarkan kepada istilah tersebut, tiada golongan yang berstatus *stateless* di Malaysia. Ini kerana mereka yang tiada negara tidak dibenarkan masuk ke negara ini kerana tiada dokumen perjalanan.

KAJIAN KES

Secara realitinya, terdapat beberapa kes yang tidak dapat diselesaikan statusnya. Situasi sedemikian boleh difahami melalui contoh kajian kes yang diberikan di bawah.

Kajian Kes Pertama

Seperti kelaziman, sepasang suami isteri bersama seorang kanak-kanak yang mencapai usia 12 tahun akan hadir ke JPN untuk mendapatkan kad pengenalan. Isu yang timbul adalah kanak-kanak tersebut bukan anak kandung kepada pasangan tersebut. Bagaimana isu ini terjadi sedangkan kanak-kanak tersebut mempunyai sijil kelahiran Malaysia? Hasil siasatan menunjukkan semasa pendaftaran kelahiran dibuat, ianya tidak dibuat secara digital. Kaedah pendaftaran manual menyebabkan maklumat kelahiran yang tidak tepat dikeluarkan. Berkemungkinan terdapat juga sindiket penipuan yang membantu pasangan yang tidak dikurniakan anak untuk mengambil anak angkat dengan cara yang salah iaitu dengan memalsukan dokumen kelahiran dan mendaftarkan anak tersebut sebagai anak kandung kepada pasangan warganegara. Apabila kanak-kanak mencapai usia 12 tahun, JPN kebiasaannya akan melihat dan meneliti semua faktor dari segi dokumentasi dan juga perbandingan iras wajah kanak-kanak dengan ibu bapa. Apabila timbul keraguan seperti iras anak tidak sama dengan ibu bapa maka siasatan akan dijalankan. Semasa siasatan, kebenaran akan diketahui. Ibu bapa ini memaklumkan bahawa anak ini telah diambil daripada orang yang tidak dikenali. Tujuan mereka bersetuju membuat sijil lahir tersebut adalah kerana pasangan telah berkahwin lama dan tidak mempunyai anak. Terdapat individu atau sindiket pada masa tersebut yang membantu pasangan membuat sijil kelahiran secara palsu.

Yang menjadikan situasi ini lebih menyedihkan, anak tersebut merupakan anak hasil hubungan suami dengan seorang perempuan yang tidak diketahui identitinya. Setelah lahir, suami tersebut membawa balik bayi untuk dijadikan anak angkat kepada beliau dan isteri. Walaupun bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara tetapi kanak-kanak ini tidak lahir melalui perkahwinan yang sah. Secara automatik, kanak-kanak ini bukan lagi warganegara kerana mengikut ibunya yang tidak diketahui identitinya.

Hasil siasatan dan penelitian yang di buat oleh Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang (JPNPP), maklumat ibu bapa yang menjaga kanak-kanak ini sejak lahir perlu dikeluarkan daripada sijil kelahiran, dan kewarganegaraan kanak-kanak tersebut akan menjadi 'belum ditentukan'. Kesan psikologi terhadap kanak-kanak seperti ini amat besar, bukan setakat kehilangan kewarganegaraan malahan kehilangan ibu bapa yang selama ini telah menjadi ibu bapa kandung selama 12 tahun.

Pindaan dibuat pada sijil kelahiran kanak-kanak tersebut. Hasrat kanak-kanak ini untuk menyambung pelajaran di peringkat menengah di sekolah pilihan pada masa tersebut mengalami kesukaran. Ini kerana apabila kes ini dirujuk ke Jabatan Pendidikan Negeri, dimaklumkan hanya pelajar yang berstatus warganegara atau bukan warganegara sahaja boleh meyambung pelajaran. Bagi kes yang belum ditentukan kewarganegaraan, kanak-kanak tersebut tidak dapat meneruskan persekolahannya sehingga isu kewarganegaraannya selesai. Dalam kes sebegini, memang sukar atau mustahil untuk mencari ibu kandung kepada kanak-kanak ini.

Penyelesaian yang dicadangkan oleh JPNPP adalah dengan cara ibu bapa tersebut boleh mengambil kanak-kanak tersebut menjadi anak angkat secara undang-undang memandangkan kanak-kanak tersebut belum mencapai umur 18 tahun. Pendaftaran anak angkat di Semenanjung Malaysia boleh di buat melalui Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) (*De facto*) atau Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) (Perintah Mahkamah).

Pengangkatan secara *de facto* adalah di mana seseorang kanak-kanak berada dalam jagaan , sedang dibesarkan ditanggung atau dididik oleh seseorang atau pasangan suami isteri secara bersama, sebagai anaknya atau anak mereka sendiri bagi tempoh tidak kurang dua (2) tahun yang berterusan sebelum pendaftaran pengangkatan di buat. Pengangkatan ini termaktub di bawah Akta 253 dan terpakai kepada mereka yang beragama Islam dan bukan Islam.

Permohonan ini boleh di buat di Pejabat JPN yang berhampiran dengan tempat tinggal pemohon. Pendaftaran ini ditadbir sepenuhnya di bawah bidang kuasa JPN.

Bagi Pengangkatan Melalui Perintah Mahkamah, pemohon perlu melalui Firma Guaman yang dilantik oleh ibu bapa angkat atau Jabatan Bantuan Guaman. Permohonan perlu dikemukakan ke Ibu Pejabat JPN Putrajaya sahaja. Perintah Pengangkatan ini di buat di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen dan termaktub dibawah Peruntukan Akta 257. Pengangkatan ini hanya terpakai kepada pemohon yang bukan beragama Islam sahaja.

Walau bagaimanapun, isu kewarganegaraan masih belum dapat diselesaikan. Setelah proses anak angkat selesai, permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan boleh dibuat tetapi tempoh kelulusan tertakluk kepada kuasa yang meluluskan iaitu Menteri Dalam Negeri.

Kajian Kes Kedua

Dalam kes kedua, sepasang suami isteri yang menjaga seorang remaja bisu dan pekak sejak dari kecil telah datang untuk membuat daftar lewat kelahiran. JPN dimaklumkan remaja tersebut telah ditinggalkan ibunya kepada sepasang suami isteri sejak dari usia 2 tahun sehingga kini berusia 16 tahun. Pada awalnya, ibu remaja tersebut menyatakan anak tersebut akan ditinggalkan bagi tempoh sementara waktu sementara beliau mendapat pekerjaan. Walau bagaimanapun, ibu tersebut tidak pernah kembali. Isteri kepada pasangan tersebut pula telah meninggal dunia semasa kanak-kanak tersebut berusia 9 tahun. Suaminya tidak mengetahui asal usul kanak-kanak berkenaan kerana bekerja jauh dari rumah. Setelah kematian isterinya, beliau berkahwin dengan seorang wanita Indonesia dan kini menyambung menjaga kanak-kanak tersebut sehingga remaja. Remaja tersebut sehingga kini tidak mempunyai apa-apa dokumen pengenalan diri kerana tiada siapa yang mengetahui asal usulnya. Dalam situasi sebegini, JPN tidak dapat membantu mengeluarkan sijil lahir kerana tempat kelahirannya tiada siapa yang mengetahui. Proses untuk pengambilan anak angkat juga sukar kerana tiada sijil kelahiran. Sekiranya remaja ini melewati usia 18 tahun, proses pengangkatan adalah tidak lagi terpakai kepadanya kerana melebihi had umur. Dalam keadaan sebegini, apakah peruntukan perundangan yang ada dalam membantu remaja ini ? Sekiranya beliau ditangkap oleh pihak Imigresen, ke mana beliau akan dihantar ? Kes sebegini amat sukar untuk dibantu oleh pihak JPN.

Sehingga kini tiada garis panduan khas untuk penyelesaian kes sebegini. JPN hanya boleh mendaftar kelahiran jika diyakini kelahiran benar berlaku di Malaysia. Dalam keadaan di mana tiada penganjur atau saksi yang boleh membuktikan kelahiran berlaku di Malaysia, maka sijil kelahiran tidak dapat dikeluarkan. Pihak JPNPP masih menunggu jika pihak penjaga boleh mengemukakan saksi atau bukti yang menunjukkan kelahiran kanak-kanak tersebut berlaku di Malaysia sebelum sijil kelahirannya dapat dikeluarkan.

Kajian Kes Ketiga

Dalam kes ketiga, seorang penjaga telah hadir ke JPN bersama seorang kanak-kanak lelaki berusia 9 tahun untuk membuat pendaftaran lewat kelahiran. Kanak-kanak lelaki ini mempunyai masalah seperti *autisme*, *hyper active* dan masalah pertuturan. Kanak-kanak ini telah ditinggalkan oleh seorang perempuan (yang dipercayai ibu kanak-kanak tersebut) kepada seorang perempuan warganegara dengan alasan untuk ke kedai dan berjanji akan mengambil anaknya kembali. Namun dari usia kanak-kanak tersebut 3 tahun sehingga kini berusia 9 tahun, perempuan yang meninggalkannya itu tidak pernah kembali untuk menuntut kanak-kanak ini. Apa yang menjadi persoalannya, bagaimanakah keadaan kanak-kanak ini pada masa hadapan tanpa ada sebarang dokumentasi? Penjaga kanak-kanak ini amat risaukan masa depan kanak-kanak ini, apatah lagi dia merupakan kanak-kanak istimewa dan berkeperluan khas.

JPN telah meminta penjaga mencari saksi yang mengenali ibu kanak-kanak tersebut dan dapat memberi keterangan bahawa ibu kanak-kanak itu melahirkannya di Malaysia. Walau pun isu sijil lahir dapat dikeluarkan dengan taraf kewarganegaraan belum ditentukan, penjaga boleh membuat permohonan anak angkat dan setelah sijil anak angkat diperolehi, permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15 A boleh dibuat dengan syarat umur kanak-kanak tidak melebihi 18 tahun.

Kajian Kes Keempat

Kes keempat melibatkan anak yang lahir daripada perkahwinan yang tidak teratur atau pasangan yang tiada ikatan perkahwinan. Masalah yang timbul adalah apabila wanita tersebut sama ada warganegara atau bukan warganegara meninggalkan anak kepada pasangan lelaki yang berstatus warganegara tanpa sebarang dokumen. Kanak-kanak tersebut dijaga dengan baik oleh lelaki tersebut. Kanak-kanak ini juga akan menjadi sukar dalam penentuan kewarganegaraannya

jika si ibu walaupun diakui sebagai seorang warganegara, tetapi tidak mempunyai sebarang pengesahan diri dalam simpanan penjaga kanak-kanak. Ini akan menyukarkan proses pendaftaran kelahiran.

Dalam kes sebegini, sijil kelahiran boleh dikeluarkan jika dapat di buktikan kelahiran berlaku di Malaysia. Bagi kes yang lahir di hospital, ianya lebih mudah. Tetapi yang menjadi isu adalah penentuan kewarganegaraan kanak-kanak. Penyelesaian yang terbaik adalah penjaga dinasihatkan memohon pengangkatan kanak-kanak tersebut seterusnya membuat permohonan warganegara melalui Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Adalah dinasihatkan kepada penjaga, jika ingin memelihara anak angkat, ianya mestilah melalui peraturan yang dibenarkan. Penjaga juga dinasihatkan mendapatkan salinan dokumen yang sah ibu bapa kandung semasa serahan bagi memudahkan pendaftaran kanak-kanak tersebut.

Kajian Kes Kelima

Kes kelima melibatkan kes yang telah dirujuk ke Bahagian Siasatan dan Penguatkuasa JPN di mana semasa bayi, individu ini telah diberi identiti palsu. Seorang bayi telah dianak angkatkan oleh pasangan suami isteri dengan menggunakan sijil kelahiran kanak-kanak lain. Sepanjang hidupnya, beliau telah menggunakan identiti palsu tersebut sebagaimana yang diberi oleh ibu bapa angkatnya tanpa beliau mengetahui kedudukan sebenar identiti tersebut. Dalam masa yang sama, pemilik sebenar identiti yang digunakannya telah dinafikan hak kewarganegaraan. Setelah disiasat, didapati si ayah kepada kanak-kanak pemilik sebenar identiti telah memberikan sijil lahir anaknya kepada pihak ketiga. Masalah timbul apabila pemilik asal identiti membuat laporan setelah dewasa. Setelah siasatan terperinci dilakukan, didapati memang benar penyamar telah menggunakan maklumat pengadu sepanjang tempoh 38 tahun. Apa yang menjadikan kes ini lebih rumit adalah kerana kedua ibu bapa angkat telah meninggal dunia.

Dalam kes seperti ini, penyamar tersebut kehilangan taraf kewarganegaraan, sekaligus sijil anak angkat perlu dibatalkan. Pembuktian kelahiran tidak dapat dibuat kerana tiada saksi-saksi yang boleh membantu kes ini. Apabila seorang individu yang telah berusia 38 tahun kehilangan kewarganegaraan dalam keadaan seperti ini, beliau masih perlu membawa penganjur dan saksi yang boleh membuktikan bahawa beliau lahir di Malaysia. Sekiranya bukti dapat saksi dapat memberi keterangan dengan jelas dan tepat berhubung kelahiran

tersebut, sijil kelahiran boleh dikeluarkan dengan taraf belum ditentukan dan permohonan kad pengenalan sementara MyKAS boleh dicadang dikeluarkan kepada beliau.

Kajian Kes Keenam

Kes ini melibatkan seorang kanak-kanak berusia 10 tahun yang mempunyai sijil pengangkatan dengan taraf kewarganegaraan belum ditentukan. Kanak-kanak ini telah dihantar bersekolah dari darjah 1 hingga darjah 3 tanpa sebarang masalah. Namun bagi tahun persekolahan 2018, kanak-kanak tersebut tidak dapat menyambung persekolahan ke darjah 4 kerana taraf kewarganegaraannya belum ditentukan. Iubapa angkat kepada kanak-kanak ini telah membuat permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15 (A) Perlembagaan Persekutuan dan permohonan tersebut belum di luluskan. Persoalan yang timbul adalah bagaimanakah kanak-kanak ini boleh dibantu agar pendidikannya tidak terjejas.

Pada penghujung 2017 Jabatan Pendidikan Negeri memerlukan kanak-kanak tersebut memiliki pasport bagi permohonan visa pelajar sebelum boleh meneruskan pelajaran di sekolah sebagaimana diminta oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi kes sebegini, negara manakah yang akan mengeluarkan pasport sedangkan pembuktian kewarganegaraan tidak dapat dibuat.

Bagi kes yang mana kanak-kanak adalah bukan warganegara yang dibuat pengangkatan, adalah sukar untuk memperolehi pasport negara asal berkenaan kerana ibu bapa kandung kanak-kanak tersebut tidak dapat dicari, sedangkan pihak konsulat negara berkaitan memerlukan kehadiran ibu bapa kandung bagi pengeluaran pasport. Walau bagaimanapun penambahbaikan telah dilaksanakan di mana isu kanak-kanak tersebut telah diselesaikan dan dapat bersekolah seperti biasa. Tetapi penyelesaian ini masih bersifat sementara dan masih menunggu kelulusan kewarganegaraan. Permohonan di bawah perkara 15(A) ini mempunyai limitasi umur sehingga 18 tahun.

Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS) atau Kad pengenalan Hijau

Di dalam Arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil. 8/2008 dan 6/2017, ada dinyatakan kategori yang layak untuk dikeluarkan Kad Pengenalan Hijau. Kategori yang layak untuk dikeluarkan kad pengenalan Pemastautin Sementara

atau turut dikenali sebagai Kad Pengenalan Hijau adalah kepada orang yang dilahirkan di Malaysia dan memiliki sijil lahir Malaysia. Di dalam sijil lahirnya tiada maklumat ibu bapa dan tiada dicatatkan nombor dokumen kedua-duanya atau nama ibu bapa dicatatkan tetapi nombor dokumen tidak dicatatkan.

Kad pengenalan hijau (MyKAS) ini tidak akan dikeluarkan kepada orang asing yang memiliki pasport ataupun orang asing yang lahir di Malaysia serta dikeluarkan Sijil Lahir Malaysia dan terdapat maklumat dokumen ibubapa (Pasport atau dokumen yang dikeluarkan oleh kedutaan atau Jabatan Imigresen Malaysia) di sijil lahir berkenaan. MyKAS juga tidak terpakai bagi pemegang dan anak-anak pemegang pasport negara asing tanpa pas atau permit yang sah, kad *United Nations High Commissioner For Refugees* (UNHCR) atau lain-lain dokumen yang dipertimbangkan oleh Panel Jawatankuasa Kad Pengenalan Pemastautin Sementara. Syarat-syarat kelayakan memohon adalah termasuk sijil kelahiran kanak-kanak yang bertaraf Belum Ditentukan.

Apa yang paling penting adalah penentuan tempat kelahiran mestilah dibuktikan berlaku di Malaysia. Sekiranya pembuktian kelahiran di Malaysia tidak boleh di buat, maka tiada sebarang dokumen dapat dikeluarkan oleh pihak JPN.

KELULUSAN KEWARGANEGARAAN

Kelulusan untuk satu-satu permohonan kewarganegaraan kadang kala memakan masa yang lama kerana Kerajaan Malaysia perlu memastikan sumber pembuktian yang diperoleh adalah sah dan mengikut apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini bagi memastikan penganugerahan hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar layak mengikut peruntukan yang ditetapkan.

Anugerah Taraf Kewarganegaraan Malaysia Berdasarkan Kepada Lima Fasal yang Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

Anugerah Taraf Kewarganegaraan Malaysia ini diberi berdasarkan kepada lima fasal yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Lima fasal berkenaan ialah:

- i. Perkara 15A- Taraf kewarganegaraan Malaysia yang diberi di dalam keadaan-keadaan khas

- ii. Perkara 15 (1) – Taraf Kewarganegaraan Malaysia yang diberi bagi isteri kepada warganegara secara daftaran;
- iii. Perkara 15 (2) – Taraf kewarganegaraan Malaysia yang diberi bagi anak-anak yang berumur 21 tahun kepada ibu atau bapa seorang warganegara Malaysia.
- iv. Perkara 16 – Taraf kewarganegaraan Malaysia yang diberi bagi orang-orang yang lahir di Persekutuan sebelum Hari Merdeka (sebelum tahun 1957);
- v. Perkara 19 (1) – Taraf Kewarganegaraan yang diberi dengan cara masukan (naturalisasi) bagi yang telah berumur melebihi 21 tahun.

Anugerah Taraf Kewarganegaraan Malaysia melalui Penaturalisasian dalam Perlembagaan Persekutuan

Perkara 19. Kewarganegaraan melalui penaturalisasian.

1 Tertakluk kepada Fasal (9), apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh memberi orang itu suatu perakuan naturalisasi jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati—

(a) bahawa—

1 dia telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap jika diberi perakuan itu;

2 (Dimansuhkan);

(b) bahawa dia berkelakuan baik; dan

(c) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu.

2 *Tertakluk kepada Fasal (9), apabila permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih yang bukan warganegara, maka Kerajaan Persekutuan boleh, dalam apa-apa hal keadaan khas yang difikirkannya patut, memberi orang itu suatu perakuan naturalisasi jika Kerajaan Persekutuan berpuas hati—*

(a) bahawa dia telah bermastautin di Persekutuan selama tempoh yang dikehendaki dan berniat hendak berbuat demikian secara tetap jika diberi perakuan itu;

(b) bahawa dia berkelakuan baik; dan

(c) bahawa dia mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu.

3 *Tempoh kemastautinan di Persekutuan atau bahagiannya yang berkaitan yang dikehendaki bagi pemberian suatu perakuan naturalisasi ialah tempoh yang pada agregatnya berjumlah tidak kurang daripada sepuluh tahun dalam masa dua belas tahun sebaik sebelum tarikh permohonan bagi perakuan itu, dan tempoh itu termasuklah tempoh dua belas bulan sebaik sebelum tarikh itu.*

4 *Bagi maksud Fasal (1) dan (2), kemastautinan sebelum Hari Malaysia di wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan; dan bagi maksud Fasal (2), kemastautinan di Singapura sebelum Hari Malaysia atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan kemastautinan di Singapura selepas Hari Malaysia hendaklah dikira sebagai kemastautinan di Persekutuan.*

5 *Seseorang yang diberi perakuan naturalisasi menjadi warganegara melalui penaturalisasian mulai dari tarikh perakuan itu diberikan.*

6 *(Dimansuhkan).*

7 *(Dimansuhkan).*

8 *(Dimansuhkan).*

9 *Tiada perakuan naturalisasi boleh diberikan kepada mana-mana orang sehinggalah dia telah mengangkat sumpah yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.*

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, sekiranya kanak-kanak yang melepasi had umur yang ditetapkan boleh memohon semula kewarganegaraan melalui Pekara 19 Perlembagaan Persekutuan jika permohonan melalui Perkara 15(A) gagal diperolehi.

Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299)

Seksyen 13 di dalam Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) turut dimasukkan di dalam perbincangan ini kerana turut melibatkan pendaftaran kelahiran. Maklumat mengenai individu yang mengaku bapa kepada anak tidak sah taraf kini boleh dimasukkan dalam sijil kelahiran bayi berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Maklumat ini berdasarkan pengakuan sebagai bapa bagi pasangan beragama Islam yang berkahwin kurang daripada enam bulan (qamariah) dan yang tidak berkahwin dengan syarat ibu dan lelaki itu menandatangani bersama borang permohonan LM01. Ini adalah selaras dengan Seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299), Seksyen 10 Ordinan Sabah Cap 123 dan Seksyen 11 Ordinan Sarawak Cap 10 dan Pekeliling 8/2009 yang telah diedarkan kepada semua JPN negeri pada Ogos 2009.

Isu anak tidak sah taraf adalah antara isu hangat yang dibincangkan. Melalui seksyen 13 tersebut, peruntukan undang-undang membolehkan anak-anak itu didaftarkan dalam sijil kelahiran dengan bin atau binti bapa bagi mengelak kanak-kanak itu menanggung tekanan emosi berpanjangan atau jika tidak cukup tempoh, ruangan maklumat bapa boleh di isi dengan maklumat orang yang mengaku sebagai bapa. Tujuan memasukkan maklumat berkenaan adalah untuk memberikan taraf kewarganegaraan kepada bayi sekiranya bapa adalah warganegara Malaysia manakala ibu bukan bertaraf warganegara. Walau bagaimanapun, pendaftaran anak tidak sah taraf di bawah peruntukan Seksyen

13 Akta 299 tidak terpakai bagi pasangan di mana salah seorang ibu atau bapa bukan beragama Islam.

PENUTUP

Faktor status warganegara ibu atau bapa adalah sangat penting dalam menentukan taraf kewarganegaraan seorang kanak-kanak. Sekiranya ibu atau bapa adalah warganegara atau pemastautin tetap maka kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia. Jika perkahwinan ibu bapa tersebut tidak teratur (tidak didaftarkan mengikut undang-undang di Malaysia atau anak lahir sebelum perkahwinan), maka taraf warganegara kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibu. Berdasarkan kedudukan tersebut, maka adalah sangat penting bagi semua penduduk di Malaysia untuk mendaftar perkahwinan serta kelahiran anak-anak mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan agar tidak timbul masalah di masa hadapan.

Pihak berkuasa yang mendaftar perkahwinan di Malaysia adalah meliputi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (orang Islam), JPN (orang bukan Islam), Jabatan Kemajuan Hal Ehwal Orang Asli (Orang Asli Semenanjung), Mahkamah Anak Negeri (Bumiputera Sabah) dan Majlis Adat Istiadat Sarawak (Bumiputera Sarawak).

Dalam usaha kerajaan membantu penduduk bagi mendapatkan dokumen pengenalan diri sama ada ianya bertaraf warganegara, bukan warganegara atau lain-lain dokumen pengenalan diri, pelbagai usaha dan inisiatif telah, sedang dan akan terus dilaksanakan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, seluruh masyarakat perlu mempunyai kesedaran untuk mendaftar dan memiliki dokumen-dokumen pengenalan diri serta dokumen perjalanan yang sah setiap masa. Kerjasama daripada pemimpin masyarakat turut membantu memainkan peranan di dalam menguar-uarkan kepentingan memiliki dokumen pengenalan diri kepada masyarakat dan memaklumkan kepada pihak JPN apabila berlaku atau terdapat permasalahan dokumen dalam kalangan penduduk kawasan mereka.

Secara kesimpulannya, setiap individu yang dilahirkan di Malaysia perlu mendapatkan dokumen kelahiran yang sah bagi mengelakkan pelbagai masalah yang bakal timbul di kemudian hari. Kepentingan mempunyai pengenalan diri tersebut perlu dibuat dengan hebahan media masa atau

media cetak selain dari memperkenalkan undang-undang yang lebih ketat bagi mereka yang tidak mematuhi atau melanggar peraturan seterusnya melaksanakan peruntukan undang-undang tersebut. Pelbagai aktiviti dan program turun padang telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Pendaftaran Negara sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau di peringkat negeri bagi memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan pendaftaran kelahiran. Isu pendaftaran kelahiran amat penting bagi setiap individu bukan hanya untuk tujuan penentuan kewarganegaraan tetapi juga dari aspek pendidikan dan juga sosio-ekonomi.

Bagi mengatasi masalah kanak-kanak yang belum ditentukan taraf kewarganegaraan dan mengalami pelbagai masalah seperti pendidikan terganggu dan sebagainya, satu jawatankuasa khas boleh diwujudkan bagi meneliti secara khusus dan mencari penyelesaian kepada isu seperti di dalam contoh kes yang dibangkitkan secara “*case by case*”. Pelaksanaan modul seperti Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu bagi permohonan kewarganegaraan boleh dijadikan satu elemen dalam jawatan kuasa yang ditubuhkan. Arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil 3/2017 berhubung Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu bagi permohonan kewarganegaraan boleh dijadikan panduan.

RUJUKAN

Perlembagaan Persekutuan 1963. (1999).

Malaysia: International Law Book Services.

Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 (Akta 152) & Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299). (2018). Malaysia: International Law Book Services.

Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (AKTA 253) (De facto) atau Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) (Perintah Mahkamah). (2009). Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang.

Arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil. 8/2008

Arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil 3/2017

Arahan Jabatan Pendaftaran Negara Bil 6/2017

Buletin Jabatan Pendaftaran Negara Bil 3/2017, www.jpn.gov.my

Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia. (2017).

Buku Coffee Table Book “Melangkau Ekspektasi Rakyat”. 15-18

Seksyen 10 Ordinan Sabah Cap 123

Seksyen 11 Ordinan Sarawak Cap 10

Perangkaan Aktiviti Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang Disember 2015

Perangkaan Aktiviti Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang Disember 2016

Perangkaan Aktiviti Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang Disember 2017

Perangkaan Aktiviti Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Pulau Pinang Disember 2018